



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KENYATAAN MEDIA**

**PEMBUKAAN SEMULA PERMOHONAN SUB SEKTOR TEKSTIL, TUKANG
GUNTING DAN TUKANG EMAS BAGI PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

1. Saya telah mengadakan perbincangan dengan YB Menteri Dalam Negeri (KDN) dan YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada hari ini mengenai pembekuan sub sektor tekstil, tukang gunting dan tukang emas. Ketiga-tiga (3) sub sektor ini telah dibekukan sejak tahun 2009 dan telah ditutup sepenuhnya bagi penggajian pekerja asing sejak tahun 2019.
2. Kerajaan Perpaduan amat prihatin dengan permintaan majikan tempatan bagi pembukaan semula ketiga-tiga sub sektor tersebut. Namun begitu terdapat proses yang perlu diikuti berkaitan dengan sebarang dasar Kerajaan mengenai penggajian pekerja asing di mana ianya perlu di bawa di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Berkaitan Pengurusan Pekerja Asing terlebih dahulu. Sebarang syor daripada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama ini kemudiannya akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum sebarang pengumuman mengenai pembukaan semula ketiga-tiga sektor ini dapat dilaksanakan.
3. Saya juga telah berbincang dengan YB Menteri Dalam Negeri untuk KDN mempertimbangkan agar pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) sedia ada ketiga-tiga sub sektor tersebut yang akan tamat pada Mac 2023 untuk dilanjutkan pada satu tempoh masa yang bersesuaian.
4. Saya ingin menyatakan bahawa sebarang dasar Kerajaan berkaitan penggajian pekerja asing termasuk pembekuan atau pembukaan semula sesuatu sektor atau sub sektor akan mengambil kira situasi semasa serta keperluan sebenar majikan.

**YB TUAN V. SIVAKUMAR
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
24 MAC 2023**